



**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1996/97**

**Oktober-November 1996**

**EBS 102/3 - Mineralogi**

**Masa : [ 3 jam ]**

---

**Arahan Kepada Calon :**

Kertas soalan ini mengandungi **LAPAN (8)** muka surat bercetak.

Kertas soalan ini mempunyai **TUJUH (7)** soalan.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Mulakan jawapan anda bagi setiap soalan pada muka surat yang baru.

Semua soalan boleh dijawab dalam Bahasa Malaysia atau maksimum DUA (2) soalan boleh dijawab dalam Bahasa Inggeris.

1. Perbetulkan penyataan-penyataan berikut sekiranya salah. Berikan no. soalan dan ulasan kamu di atas skrip jawapan.
- a) Kebolehan sesuatu bahan kimia tertentu untuk menghablur dengan lebih daripada jenis struktur dikenali sebagai Isomofisma.
  - b) Polimorfisma dalam sesetengah bahan kimia terjadi akibat pertukaran keadaan suhu-tekanan sewaktu pembentukannya itu.
  - c) Pelbagai bentuk bahan-bahan kimia yang menghablur dengan lebih daripada satu jenis struktur atom dikenali sebagai Pseudomorph.
  - d) Contoh-contoh mineral Polimorf adalah Aragonit dan Strontianit.
  - e) Hablur-hablur yang pusat juzuk-juzuk atomnya merangkumi, secara geometri, kedudukan yang serupa, tanpa mengira saiz atom-atom, dipanggil mineral-mineral polimorf.
  - f) Dalam Uraninit ( $\text{UO}_2$ ) ion-ion uranium  $\text{U}^{+4}$  dan dalam fluorit ( $\text{CaF}_2$ ), ion-ion  $\text{Ca}^{+2}$ , kedua-dua mempunyai koordinatan 4 gandaan dengan anion-anion masing-masing. Analisis belauuan Sinar-X kedua-dua mineral ini menunjukkan garisan-garisan yang seanalogi. Mineral-mineral sedemikian dipanggil isomorf.
  - g) Kewujudan suatu mineral dengan bentuk kristal terkeluar daripada spesies mineral lain dikenali sebagai Isostrukturlisma.

- h) Sekiranya hablur suatu mineral diubah supaya struktur dalaman komposisi kimianya bertukar tetapi bentuk luarannya dikekalkan, iaanya dipanggil mineraloid.
  - i) Sekiranya terdapat penyingkiran secara beransur-ansur bahan asal dan pengantian secara serentak olehnya tanpa sebarang tindakbalas kimia antara dua bahan; fenomena ini dikenali sebagai isostrukturalisme.
  - j) Mineral-mineral yang secara optiknya isotrop, tidak membelaun sinar-x, tidak mempunyai ira, dan lemah dari segi susunan teratur dalaman di panggil mineral-mineral pseudomorf.
- (20 markah)
2. Lengkapkan pernyataan-pernyataan berikut dengan bantuan teks yang diberikan pada muka surat berikut. Tuliskan no. soalan dan jawapan pada skrip jawapan.

- a) Pemakaian dan penggunaan mineral dalam proses-proses produk industri bergantung terutamanya terhadap:

.....

- b) Sifat-sifat fizikal mineral dikawal secara langsung oleh.....

.....

- c) Dua ciri keutamaan mineral yang membuatnya menarik ialah

.....

- d) Spesifik graviti mineral bergantung terutamanya terhadap.....  
.....
- e) Dalam sebatian isostruktur (mineral), Variasi dalam spesifik  
graviti disebabkan terutamanya oleh .....  
.....
- j) Dalam mineral-mineral polimorf, variasi dalam spesifik graviti  
disebabkan oleh : .....
- g) Kelutsinaran adalah sifat fizikal mineral yang berkaitan dengan:  
.....
- h) Ketampakan kilauan pada mineral terhasil disebabkan oleh:  
.....
- i) Ciri warna mineral-mineral pada umumnya terhasil disebabkan  
oleh .....
- j) Dalam setengah-setengah kasus warna-warna terhasil berikutkan  
daripada.....
- k) Ira adalah merupakan bayangan kepada struktur dalam suatu  
mineral. Mineral-mineral mempunyai ira kerana  
.....
- l) Suatu mineral dikatakan mempunyai ira yang baik bila  
.....
- m) Suatu mineral akan cenderung retak berbanding daripada pecah  
disepanjang satah hanya sekira .....

- n) Suatu mineral dikatakan mulur jikalau .....  
.....
- o) Mineral-mineral logam berat seumpama emas, perak, tembaga, raksa dan plumbum adalah lembut ( $H<3$ ). Terdapat beberapa pengecualian mineral sedemikian yang kekerasannya melebihi 3 iaitu .....
- p) Kekerasan mineral berubah-berubah secara langsung dengan .....  
.....
- q) Kekuatan suatu bahan terhablur merupakan fungsi .....  
.....
- r) Ira merupakan kecenderungan suatu mineral untuk pecah .....  
.....
- s) Retakan *conchoidal* merupakan pecahan permukaan mineral yang mempamerkan .....
- t) Bentuk ortogonal hablur fluorit disebabkan dengan alasan bahawa.....

(20 markah)

(Teks soalan No. 2)

Mineral-mineral bijih diperlukan kerana kandungan logamnya manakala mineral-mineral bukan logam digunakan dalam industri-industri oleh kerana sifat-sifat fizikal seperti kekerasan, keplastikan, ketahanan dan lain-lain. Ciri-ciri fizikal merupakan hasil langsung kimia dan struktur mineral. Pada kebanyakan mineral warna dihasilkan oleh kesan penyerapan berpilih sesetengah panjang gelombang oleh atom-atom unsur-unsur peralihan yang wujud sebagai bahagian terpenting kimia mineral. Kebanyakan mineral samada tanpa warna atau putih. Bagaimanapun, warna yang terhasil dalam mineral-mineral ini samada disebabkan oleh kehadiran sejumlah kecil unsur-unsur peralihan atau disebabkan oleh kecacatan struktur. Warna, kelutsinaran dan bentuk kecantikan hablur mineral-mineral merupakan ciri-ciri yang membuatnya menarik kepada manusia.

Pembalikan dan pembiasan cahaya dalam mineral-mineral membuatkannya lebih menarik. Bila mineral-mineral ini diperhatikan di bawah cahaya yang terpantul, kebanyakan kelihatan berkilauan. Ira merupakan suatu satah lemah yang terdapat dalam kebanyakan mineral. Kebanyakan mineral pecah sepanjang satah-satah ira bila dikenakan terikan. Sekiranya ikatan atom seragam dalam semua arah, mineral tidak akan pecah sepanjang arah-arah keutamaan tertentu. Dalam kes sebegini ia akan merekah secara tidak teratur dalam arah-arah tertentu. Ia umumnya memecahkan hablur selari terhadap muka-muka hablur seperti dalam halit, galena dan lain-lain. Bagaimanapun, dalam intan dan sesetengah mineral lain ia cenderung untuk pecah menjauhi sudut-sudut hablur kubik.

Kekerasan suatu mineral umumnya ditakrifkan sebagai satu daya ketahanannya terhadap goresan. Kekerasan mineral ini bergantung kepada komposisi kimia dan juga terhadap susunan struktur dan daya-daya ikatan. Secara umum, lebih besar jarak antara atom-atom ini (pemisahan kation-anion) maka lagi rendahlah kekerasan mineral tersebut.

Spesifik graviti sesuatu bahan itu bergantung kepada komposisi kimia dan struktur hablur. Mineral-mineral yang mempunyai struktur atom yang sedikit berbeza boleh menunjukkan spesifik graviti yang boleh berubah-ubah. Mineral yang mempunyai komposisi yang berlainan juga boleh menunjukkan graviti spesifik yang berbeza.

(20 markah)

..7/-

3. Berikan definasi bagi yang berikut:

- |                                      |                      |                            |
|--------------------------------------|----------------------|----------------------------|
| [a] mineral                          | [b] hablur           | [c] Ira sempurna           |
| [d] retakan <i>conchoidal</i>        | [e] mineral legap    | [f] Kilauan <i>vitrous</i> |
| [g] mineral-mineral industri         | [h] mineral bijih    | [i] ira prisma             |
| [j] mineral-mineral<br>boleh tempaan | [k] mineral rapuh    | [l] <i>tenacity</i>        |
| [m] mineral-mineral amorfus          | [n] hablur unihedral | [o] mineral <i>sectile</i> |
| [p] kristal ortotrombik              | [q] habit tabular    | [r] ira basal              |
| [s] mineral-mineral jati             | [t] peranan warna    |                            |

(20 markah)

4. Berikan contoh-contoh mineral beserta formula kimianya.

**Formula umum**

(Mineral sulfida)

Jenis  $A_2$  (2 mineral)

Jenis  $A_3X_2$  (1 mineral)

Jenis  $AX$  (6 mineral)

Jenis  $AX_2$  (4 mineral)

Jenis  $A_3BX_4$  (1 mineral)

**Formula umum**

(Mineral oksida)

Jenis  $A_2X$  (1 mineral)

Jenis  $AX$  (2 mineral)

Jenis  $AB_2X_4$  (3 mineral)

Jenis  $A_2X_3$  (3 mineral)

Jenis  $AX_2$  (4 mineral)

(20 markah)

5. Berikan formula dan sifat-sifat fizikal pencirian yang boleh membawa kepada pengecaman mineral-mineral berikut pada spesimen-spesimen tangan:

- |              |               |                 |
|--------------|---------------|-----------------|
| [a] Bornit   | [b] Galena    | [c] Sfalerit    |
| [d] Kovelit  | [e] Stibnit   | [f] Arsenopirit |
| [g] Zincit   | [h] Ilmenit   | [i] Kaseterit   |
| [j] Uraninit | [k] Kromit    | [l] Geotit      |
| [m] Bauksit  | [n] Fluorit   | [o] Dolomit     |
| [p] Azurit   | [q] Celestit  | [r] Anhedrit    |
| [s] Monazit  | [t] Siliminit |                 |

(20 markah)

6. Berikan asas kepada pengelasan mineral silikat. Ilustrasikan jawapan anda dengan lakaran rengkas susunan tetrahedra  $\text{SiO}_4$ . Berikan unit komposisi dan contoh mineral bagi setiap kelas.

(20 markah)

7. [a] Perihalkan daya-daya pengikatan dalam hablur-hablur dan terangkan secara ringkas jenis-jenis ikatan yang terdapat dalam mineral-mineral yang berlainan.

(10 markah)

[b] Perihalkan proses-proses yang menyebabkan variasi komposisi dalam mineral-mineral. Berikan beberapa contoh mineral yang menunjukkan variasi sedemikian.

(10 markah)